

**SOALAN LAZIM**  
**KEMPEN JOM BERAYA JOM MENYIMPAN 2022**

**1. Soalan:**

Apakah Kempen ‘Jom Beraya, Jom Menyimpan 2022’?

**Jawapan:**

Kempen ‘Jom Beraya, Jom Menyimpan 2022’ merupakan salah satu kempen simbolik yang diadakan bagi meraikan kemeriahan Raya Aidilfitri yang akan disambut bersama seluruh masyarakat majmuk di Malaysia. Kempen ‘Jom Beraya, Jom Menyimpan’ dianjurkan di **Peringkat Negeri (PPN)** dan menawarkan hadiah keseluruhan **hampir RM160,000.00** untuk dimenangi.

**2. Soalan:**

Bilakah tempoh kempen ini bermula?

**Jawapan:**

Tempoh kempen ini bermula pada **15 April 2022 Sehingga 31 Mei 2022**.

**3. Soalan:**

Siapakah yang layak untuk menyertai ‘Jom Beraya, Jom Menyimpan 2022’?

**Jawapan:**

Semua pendeposit Simpan SSPN (Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus) yang membuat pembukaan dan penambahan akaun dalam tempoh kempen, tertakluk kepada terma dan syarat penyertaan.

**4. Soalan:**

Apakah syarat-syarat untuk menyertai Kempen ‘Jom Beraya, Jom Menyimpan 2022’?

**Jawapan:**

- i. Terbuka kepada pendeposit Simpan SSPN;
- ii. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
- iii. Pendeposit perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen;
- iv. Penentuan kelayakan cabutan mengikut negeri adalah berdasarkan alamat surat-menyurat pada akaun yang terakhir dibuka oleh pendeposit;
- v. Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif (akaun tidak ditutup) dan tidak boleh membuat pengeluaran sepanjang tempoh pengekalan bermula **1 Jun 2022 sehingga 30 Jun 2022** daripada mana-mana akaun yang didepositkan dalam tempoh kempen.

**5. Soalan:**

Berapakah simpanan minimum untuk melayakkan pendeposit menyertai ‘Jom Beraya, Jom Menyimpan 2022’?

**Jawapan:**

Pendeposit perlu memastikan simpanan bersih\* minimum RM50 untuk melayakkan pendeposit menyertai kempen ini.

\*Simpanan bersih adalah wang yang disimpan di dalam tempoh kempen ditolak dengan wang yang dikeluarkan dalam tempoh yang sama.

**6. Soalan:**

Berapakah bilangan kelayakan cabutan bagi Kempen ‘Jom Beraya, Jom Menyimpan 2022’?

**Jawapan:**

Bilangan cabutan adalah berdasarkan kepada setiap simpanan bersih bernilai RM50 bersamaan dengan satu (1) cabutan. Tiada had bilangan cabutan.

**7. Soalan:**

Adakah pendeposit dibenarkan membuat pengeluaran sepanjang tempoh pengekalan?

**Jawapan:**

Tidak. Pendeposit tidak dibenarkan membuat pengeluaran sepanjang tempoh pengekalan bermula 1 Jun sehingga 30 Jun 2022 daripada mana-mana akaun yang didepositkan dan perlu memastikan akaun kekal aktif (akaun tidak ditutup) dalam tempoh kempen.

**8. Soalan:**

Bagaimanakah penentuan kelayakan cabutan di peringkat negeri?

**Jawapan:**

Penentuan kelayakan cabutan di peringkat negeri adalah berdasarkan alamat surat-menyurat pada akaun yang terakhir dibuka oleh pendeposit.

**9. Soalan:**

Apakah hadiah yang ditawarkan dalam kempen ini?

**Jawapan:**

Hadiah	Bilangan Hadiah
<b>Pertama : TV Pintar 4K 50”</b>	1 Pemenang X 14 Negeri
<b>Kedua : Vakum Tanpa Wayar</b>	1 Pemenang X 14 Negeri
<b>Ketiga : Seterika Wap</b>	1 Pemenang X 14 Negeri
<b>Saguhati : Duit Raya bernilai RM200</b>	19 Pemenang X 14 Negeri

**10. Soalan:**

Bagaimanakah makluman kepada pemenang hadiah Kempen Jom Beraya, Jom Menyimpan 2022 akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

**11. Soalan:**

Dimanakah pemenang boleh membuat tuntutan hadiah?

**Jawapan:**

Tuntutan hadiah yang dimenangi boleh dituntut di Pejabat PTPTN Negeri yang berkaitan.

**12. Soalan:**

Bilakah hadiah tunai Kempen ‘Jom Beraya, Jom Menyimpan 2022’ akan dikreditkan ke akaun pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan.

**13. Soalan:**

Adakah hadiah berbentuk ganjaran tunai Kempen ‘Jom Beraya, Jom Menyimpan 2022’ yang dimenangi, layak untuk diambil kira sebagai kiraan pelepasan taksiran cukai?

**Jawapan:**

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi oleh pendeposit adalah **TIDAK LAYAK** untuk diambil kira sebagai sebahagian daripada potongan cukai. Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih (jumlah caruman pendeposit) di dalam Simpan SSPN yang dilakukan oleh seseorang individu yang terhad kepada RM8,000 di dalam sesuatu tahun sahaja.

**14. Soalan:**

Bagaimanakah pendeposit boleh menyemak penyata simpanan?

**Jawapan:**

Pendeposit boleh menyemak penyata simpanan di Portal Rasmi PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)) atau menghubungi talian Careline 03-2193 3000 untuk info lanjut.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh Kempen Jom Beraya, Jom Menyimpan 2022*

*Maklumat dikemaskini pada 14 April 2022*